

P.U.(A) 70/2023

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN  
(PENETAPAN SEKURITI) (WARAN KOMODITI) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 5(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Sekuriti) (Waran Komoditi) 2023**.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini, “waran komoditi” ertinya suatu derivatif yang didagangkan pada suatu bursa saham yang seseorang pemegang itu mempunyai suatu hak untuk menerima suatu jumlah tunai, bergantung kepada naik-turunnya nilai atau harga suatu sandaran—

(a) komoditi; atau

(b) derivatif komoditi yang didagangkan di bursa derivatif atau Bursa Ditetapkan.

**Waran komoditi ditetapkan sebagai sekuriti**

3. Suatu waran komoditi ditetapkan sebagai sekuriti bagi maksud undang-undang sekuriti.

Dibuat 13 Mac 2023

[MOF.SID(S)700-1/2/54; PN(PU2)662/JLD.15]

ANWAR BIN IBRAHIM  
*Menteri Kewangan*